

**NO SOALAN :50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
(KOTA KINABALU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2018**

**Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status penempatan oleh Syarikat Perumahan Negara (SPN) di Kg Numbak untuk penduduk Kg. Sabang, Kg. Lok Butah dan Kg. Lok Matas di Sepanggar. Adakah kawasan ini termasuk dalam zon keselamatan khas Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia dan Pelabuhan Sepanggar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB), iaitu syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah dilantik oleh Kementerian Pertahanan Malaysia pada tahun 2001

sebagai Kontraktor Reka dan Bina untuk mereka bentuk, membina dan menyiapkan 433 unit kediaman kayu berbentuk rumah panjang bagi penempatan setinggian di Sepanggar Bay ke Kampung Numbak, Kuala Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah. Projek ini telah disiapkan dan diserahkan kepada Kementerian Pertahanan Malaysia pada tahun 2004.

Tuan Yang Dipertua,

Penempatan di Kampung Numbak ini tidak termasuk dalam zon keselamatan Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dengan jarak melebihi 20 km dari Pangkalan TLDM Kota Kinabalu.